

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
KOPERASI PEKEBUN KECIL DAERAH PONTIAN
BERHAD (KEPAK)

Oleh

NORSHAFIDAYU BERHNALDIN
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

2703

1100039367



LI 61 FPE 4 2005



1100039367

Laporan akhir latihan industri di Koperasi Pekebun Kecil,
Daerah Pontian Berhad (KEPAK) / Norshafidayu Bernaldin.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100039367		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

5
61
PE
4
004

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
KOPERASI PEKEBUN KECIL DAERAH PONTIAN
BERHAD (KEPAK)**

**OLEH
NORSHAFIDAYU BERHNALDIN
SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN)**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN
KEPADA**

**JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI (FPE)
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA
(KUSTEM)
2005**

1100039367

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Norshafidayu Binti Berhnaldin, no.matrik UK7952. Mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang di pelajari semasa menjalani latihan industri semata – mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



Nama: Norshafidayu Berhnaldin

Tarikh: 23/11/2005

Disahkan Oleh:



Pn. Wan Norhayati Bt Mohamad

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Setinggi – tinggi penghargaan diucapkan kepada semua yang telah membantu pelatih dalam menjayakan latihan industri selama tiga bulan bertempat di Koperasi Pekebun Kecil Daerah Pontian Berhad (KEPAK). Selama pelatih berada di sana banyak perkara yang telah pelatih pelajari dan menimba pelbagai pengalaman semasa melaksanakan tugas luar.

Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat di Koperasi iaitu

Tn.Hj Roslan B.Bibet selaku Pengurus Besar

En Mohd Azam B. Mohd Isa (Penolong Pengurus)

En. Jailani B. Hussien (Penolong Eksekutif)

En. Saryani B. Woman (Pegawai Pemasaran)

Hj. Mohd Hair B. Marsikin (Penyelia Pemasaran)

Mohd Yasin B. Mohd Noh (Penyelia Pemasaran)

Rahmah Bt. Busrah (Kerani Kewangan)

Nurul Aiza Bt. Kamarul Zaman (Juru teknik Komputer)

Ruziah Bt. Rajimin (Kerani Pentadbiran)

Noorlaila Bt. Abdullah Syukur (Kerani Pemasaran)

Sharifah Atiah Bt. Syed Abdullah (Kerani Projek)

Foziyah Bt. Salimin (Kerani Pusat Timbang Benut)

Noor Khayati Hashim (Kerani Pusat Timbang Teluk Kerang)

Salina Ahmad (Kerani Pusat Timbang)

En. Bohari B. Ishak (Pembantu Am Rendah)

di atas kerjasama mereka dalam membantu pelatih mendapatkan maklumat mengenai syarikat untuk laporan akhir. Di kesempatan ini, pelatih ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pn. Wan Norhayati Bt. Mohamad selaku Penyelia Latihan Industri yang telah memberikan bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar sehingga laporan akhir pelatih siap. Jutaan Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat.

PRAKATA

Latihan Industri merupakan salah satu aspek penting dalam program pembangunan pembelajaran Fakultas Pengurusan dan Ekonomi di KUSTEM. Menerusi latihan industri pelajar yang membuat latihan di sektor kerajaan dan swasta mempunyai peluang untuk belajar secara terus melalui pemerhatian dan tinjauan mengenai kemahiran dalam banyak bidang kerja. Pada masa yang sama, pelajar mempunyai peluang untuk belajar tentang kaedah pengurusan dan pendidikan dalam organisasi tersebut.

Latihan industri memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pengalaman asas latihan yang professional yang berkaitan dalam bidang yang di ambil oleh pelajar serta menggunakan teori yang telah dipelajari dalam situasi kerja yang sebenar. Disamping ingin membina hubungan dengan dunia professional yang berkaitan dengan bidang yang dipelajari, pelajar dapat memahami nilai etika kerja dan menunjukkan keupayaan mereka untuk hidup dalam dunia pekerjaan dan mendapatkan peluang untuk bekerja selepas bergraduat dan bagi pelajar yang kebanyakan dalam bidang pengurusan, latihan industri akan memberi lebih banyak peluang kepada mereka untuk meningkatkan kecekapan dan lebih pendedahan dalam bidang tersebut.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

Penghargaan	
Prakata	iii
Senarai Jadual	vi
Senarai Rajah	vii
Senarai Gambar	viii
Ringkasan Eksekutif	ix

BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Latar belakang KEPAK	2
1.1.2 Matlamat Organisasi	2
1.1.3 Logo KEPAK	3
1.2 Maklumat Organisasi	4-11
1.3 Carta Organisasi KEPAK Pontian	12
1.3.1 Struktur organisasi KEPAK Pontian	13-14
1.3.2 Struktur organisasi 3 Pusat pengumpulan BTS	15-16
1.3.3 Struktur organisasi kontrak dan komoditi	17-18
1.4 Aktiviti KEPAK	19-21
1.5 Prospek dan strategi masa depan	22
1.6 Penganugerahan Koperasi	23

BAB 2: MENGENALPASTI MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1: Pengenalan	24
2.2: Bahagian kontrak dan komoditi	25-26
2.2.1: Carta aliran sistem kerja	27-30
2.2.2: Proses selepas penerimaan kontrak	31-33
2.2.3: Masalah yang dihadapi	34
2.2.4: Cadangan penyelesaian masalah	37
2.3: Input pertanian, racun, baja dan benih semaian	40
2.3.1: Carta aliran kerja tapak semaian	40-44
2.3.2: Mengenal pasti masalah	45-47
2.3.3: Cadangan penyelesaian masalah	47-50
2.4: Bahagian Pemasaran	51
2.4.1: Pemasaran Buah tandan Segar (BTS) sawit	51-53
2.4.2: Carta aliran kerja	53-57
2.4.3: Masalah yang dihadapi	57-59
2.4.4: Cadangan penyelesaian masalah	60-62
BAB 3: KESIMPULAN	63

SENARAI LAMPIRAN

SENARAI JADUAL**Muka Surat**

Jadual 1: Senarai kakitangan Pentadbiran dan Pengurusan

6

Jadual 2: Kedudukan kakitangan

12

SENARAI RAJAH**Muka Surat**

Rajah 1: Carta Organisasi KEPAK Pontian	14
Rajah 2: Carta Organisasi Pusat Timbang (Bahagian Pemasaran)	16
Rajah 3: Carta Organisasi Kontrak dan Komoditi	18
Rajah 4: Proses mendapatkan kontrak	29
Rajah 5: Proses selepas penerimaan kontrak	32
Rajah 6: Proses kerja tapak semaian	42
Rajah 7: Sistem kerja Pusat Timbang Benut	55

SENARAI GAMBAR

Muka Surat

**Gambar 1: Logo Koperasi Pekebun Kecil Daerah
Pontian Berhad**

3

RINGKASAN EKSEKUTIF

Sebagai pelajar di bawah program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi adalah diwajibkan menjalani Latihan Industri selama 12 minggu. Pelatih telah memilih organisasi Koperasi Pekebun Kecil Daerah Pontian Berhad (KEPAK) sebagai tempat untuk menjalani latihan industri. KEPAK merupakan salah sebuah organisasi yang ditubuhkan dibawah tajaan RISDA dan Jabatan Pembangunan Koperasi Daerah Pontian, dibawah Akta Koperasi 1984.

RISDA banyak memberi bimbingan serta melatih kakitangan RISDA yang berkhidmat di Koperasi bagi menggerakkan Koperasi kearah berdikari. Sepanjang penubuhan Koperasi telah menjangkau usia 24 tahun sejak ditubuhkan pada 8hb Julai 1981. Dalam tempoh tersebut KEPAK masih lagi mengekalkan keuntungan bersih sebelum cukai sebanyak RM 224,092.87.

KEPAK memberikan pengkhususan kepada bahagian Pemasaran kerana keuntungan yang diperolehi oleh KEPAK lebih tertumpu kepada pemasaran buah sawit. Selama menjalani Latihan Industri di Koperasi Pekebun Kecil, pelatih telah di berikan tunjuk ajar dan pendedahan mengenai pengurusan dan pentadbiran organisasi ini. Terutamanya dalam pentadbiran mengenai tugas – tugas asas sebagai kerani pentadbiran dan membantu dalam melakukan pengiraan benih sawit di tapak semaian di bahagian input pertanian. Melalui latihan Industri ini juga, pelbagai pendekatan telah di praktikkan agar segala tugas yang di beri dapat di lakukan dengan cekap dan berkesan.

Penyelia industri menempatkan pelatih di bahagian pemasaran BTS Sawit, sepanjang tempoh berada di bahagian pemasaran pelatih dapat memerhatikan perjalanan keluar masuk lori yang mengangkut buah sawit. Kaedah yang digunakan untuk memasukkan maklumat buah sawit yang telah ditimbang ke dalam komputer secara automatik dengan hanya memasukkan nombor flat lori. Pelatih dapat mengaplikasikan bidang pengajian kepada bidang pekerjaan terutama cara bagaimana untuk berhadapan dan berinteraksi dengan pelanggan, dan menjawab segala pertanyaan dan komen mereka.

Sepanjang Latihan Industri ,pelatih telah membuat pemerhatian dan mengesan sistem sedia ada yang terdapat di cawangan ini. Penemuan pertama melibatkan bahagian kontrak dan komoditi. Bahagian ini mempunyai masalah kelewatan penerimaan bayaran daripada pengeluar tender,kenaikan harga bahan dan masalah tenaga kerja. Penemuan kedua, bahagian input pertanian, racun,baja dan benih semaian. Sepanjang tempoh lima tahun yang lalu pihak KEPAK telah membekalkan benih sawit dan input pertanian Pekebun Kecil dalam negeri dan Pahang berjumlah hampir 23,240 pokok berumur 9 bulan keatas berniali lebih RM 104,580.00. Masalah yang berlaku di bahagian ini adalah siberhutang dan kaeah penyusunan yang tidak sistematik. Selain itu, penemuan ketiga semasa menjalani latihan industri adalah dari bahagian pemasaran. Dalam unit ini sistem yang dikaji adalah perjalanan kerja memasarkan buah sawit segar(BTS).